

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 1 JUN 2014 (AHAD)**

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|------------|--|-------------------|
| 1 | Usah bimbang empat gempa | Harian Metro |
| 2 | Cuaca kering El Nino | Metro Ahad |
| 3 | Proses persijilan tetap teliti | Metro Ahad |
| 4 | Pelaksanaan persijilan telus, penuhi prosedur | Berita Harian |
| 5 | IPPH focus kesan kehadiran unsur haram dalam makanan | Berita Harian |
| 6 | Jangan salahkan Jakim | Mingguan Malaysia |
| 7 | Analisis polemik DNA babi | Mingguan Malaysia |
| 8 | El Nino may spark water crisis | New Sunday Times |
| 9 | Gempa bumi sederhana berlaku di Mindanao Filipina | Bernamea.com |

**KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 34
TARIKH: 01 JUN 2014 (AHAD)**

Usah bimbang empat gempa

Kuala Lumpur: Rakyat Malaysia tidak perlu bimbang dengan kejadian empat gempa bumi yang dilaporkan kelmarin, kata Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia Datuk Che Gayah Ismail.

Katanya, semua gempa yang direkod dan dilaporkan oleh jabatan itu tidak akan memberi kesan kepada negara kerana pergerakan gempa yang direkod, berada jauh dari Malaysia.

"Rekod gempa bumi yang kami terima memang banyak berlaku di seluruh dunia, ia bukan suatu yang luar biasa, dan gempa bumi yang direkodkan semalam (kelmarin) adalah terlalu jauh dari Malaysia, oleh itu

rakyat Malaysia tidak perlu bimbang," katanya di sini, semalam.

Kelmarin Jabatan Meteorologi melaporkan empat gempa sederhana direkodkan di empat kawasan berlainan dan semua gempa itu tidak mendatangkan ancaman tsunami.

Gempa yang pertama berlaku di Flores Region, Indonesia pada 8.56 pagi berukuran 5.2 skala Richter, disusuli sempadan Myanmar-China pada 9.20 pagi (5.6 skala Richter), manakala Volcano Islands, Japan Region pada 7.38 malam (5.0 skala Richter) dan Mindanao, Filipina pada 11.26 malam (5.3 skala Richter). – BERNAMA

**KERATAN AKHBAR
METRO AHAD : MUKA SURAT 40
TARIKH : 1 JUN 2014 (AHAD)**

**CUACA KERING
EL NINO**

Meskipun Jabatan Meteorologi Malaysia (JMM) meramalkan El Nino bermula bulan ini, tempas fenomena itu sudah mula dirasai di beberapa tempat sekitar pesisiran Sarawak termasuk di Santubong pada Rabu lalu. Menurut JMM, cuaca panas terik dan kemarau panjang dijangka berlarutan hingga September ini berikutan perubahan cuaca dunia. Terjadi setiap dua hingga tujuh tahun sekali, fenomena ini berlaku akibat perubahan suhu di Lautan

Pasifik yang menjadi lebih panas dan memberi beberapa impak kepada kawasan tertentu. Kesan pemanasan Lautan Pasifik ini, ia akan mewujudkan satu bentuk perubahan dalam suhu serta cuaca dunia di mana bahagian selatan benua Amerika menjadi panas serta hujan di bahagian utara. Namun, paling membimbangkan, kesan perubahan suhu Lautan Atlantik ini juga akan memberi kesan kepada suhu di negara Asia

Tenggara dan benua Australia yang mampu menyebabkan kemarau, panas berpanjangan dan jerebu teruk di kawasan tertentu. Ini kerana, dalam keadaan ini, El Nino menyebabkan tolakan angin bergerak merentas Lautan Pasifik dari Asia Tenggara ke benua Amerika. Selain JMM, Agensi Alam Sekitar Kebangsaan Singapura (NEA) melaporkan kemungkinan kesan El Nino ini berlaku dalam masa lebih panjang iaitu sehingga 18 bulan.

BAGAIMANA EL NINO MEMPENGARUHI CUACA



FAKTA EL NINO

- Berlangsung akibat perubahan suhu permukaan laut, Lautan Pasifik Tropika Tengah dan Timur menjadi lebih panas
- Suhu panas Lautan Pasifik ini akan mencekutkan dua pergerakan air laut yang berbeza di dua bahagian lautan ini
- Bahagian utara Lautan Pasifik akan mengalami keadaan arus air berputar mengikut arah jam
- Bahagian selatan Lautan Pasifik akan mengalami keadaan arus air berputar mengikut lawan jam
- Putaran air ini bertembung di titik pertengahan Lautan Pasifik dan menghasilkan 'gyre' (pusaran besar) di bahagian tengah Lautan Pasifik
- Dalam bahasa Sepanyol bermaksud anak lelaki


TANDA AWAL EL NINO

- Peningkatan tekanan di permukaan Lautan Hindi di Indonesia dan Australia
- Penurunan tekanan udara di Tahiti dan di tengah serta timur Lautan Pasifik
- Angin di selatan Lautan Pasifik semakin lemah dan bergerak ke timur
- Udara panas meningkat berdekatan Peru mengakibatkan hujan di utara gurun Peru.
- Air panas bergerak dari barat Lautan Pasifik dan Lautan Hindi ke timur Lautan Pasifik. Kejadian itu menyebabkan hujan di timur Pasifik yang lazimnya kering manakala kemarau teruk di barat Pasifik.

SAMBUNGAN...

METRO AHAD : MUKA SURAT 40

TARIKH : 1 JUN 2014 (AHAD)




KESAN EL NINO


- Udara kering dan kemarau
- Kadar hujan rendah atau tiada/kurangnya pergerakan angin
- Terdedah pada kebakaran hutan
- Jerebu
- Pengurangan sumber bekalan air mentah
- Menjejaskan tanaman

INDEKS FENOMENA EL NINO SEJAK 1950

Indeks menunjukkan tekanan udara di antara kepulauan Tahiti di Lautan Pasifik dan Australia. Kiraan positif merujuk kepada La Nina dan kiraan negatif merujuk kepada El-Nino. La Nina adalah fenomena berlawanan dengan El Nino



EL NINO PADA 1997 DAN KESAN GLOBAL



TEMPIAS EL NINO. Di beberapa tempat di sekitar pesisiran pantai Sarawak, seperti di dalam gambar yang dirakam di tepi pantai peranginan Santubong, sudah mula merasai tempias El Nino, serta cuaca panas.

Proses persijilan tetap teliti

JAKIM jaga kepentingan pengguna dan industri agar tiada yang terjejas



Oleh Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my

Minggu lalu umat Islam dikejutkan dengan penemuan Asid Deoksiribonuklik (DNA) babi hasil ujian Kementerian Kesihatan (KKM) dalam produk coklat susu kacang hazel (Cadbury Dairy Milk Hazelnut) dengan nombor kelompok 200813M01H I2 dan coklat susu buah badam panggang (Cadbury Dairy Milk Roast Almond) dengan nombor kelompok 221013N01R I1.

Seluruh masyarakat Islam yang tersentak dengan penemuan itu membantah keras tindakan syarikat pengeluar coklat terbesar itu selain mengkritik Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) yang cuai memastikan status halal produk makanan kegemaran berjuta-juta penduduk Malaysia itu.

Setakat ini Cadbury Confectionery (M) Sdn Bhd hanya menarik balik dua produk coklat susu terbahit selepas JAKIM menggantung sijil halal produk itu.

Kafe Ahad menemubual Ketua Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha bagi mengulas isu panas itu. Antara lain beliau berkata, pihaknya telah menghantar sampel coklat itu untuk diuji semula oleh Jabatan Kimia. Ikuti penjelasan beliau selanjutnya.

Mengapa JAKIM mahu sampel yang sudah diuji oleh Kementerian Kesihatan diulang uji.

Mengikut manual persijilan halal Malaysia hanya Jabatan Kimia saja yang diakreditasi dan diiktiraf untuk menjalankan ujian DNA babi, jadi makmal lain tiada dalam manual, kemudian Jabatan Standard dalam mesyuarat baru-baru ini memaklumkan bahawa akreditasi yang diberi kepada makmal lain tidak cukup syarat untuk membuat ujian DNA babi.

Adakah ujian itu dipertikaikan? Kenapa tidak keputusan ujian KKM itu disahkan saja oleh Jabatan Kimia berbanding membuat ujian semula yang membabitkan

“
Saya juga orang Islam dan Melayu yang jaga masyarakat Islam. Takkanlah saya rela dengan isu babi itu, sama sekali tidak tetapi saya menjaga prosedur serta peraturan, SOP perlu saya ikut
”

Othman Mustapha

kos lain.

Modul berbeza, mesin lain dan ketepatan keputusan kimia juga tidak sama. Lagipun sekiranya berlaku kes di mahkamah, mereka hanya mengguna pakai keputusan Jabatan Kimia, bukan tempat lain.

JAKIM kata akan periksa seluruh kilang Cadbury, apa yang diharapkan daripada pemeriksaan itu.

Kita sudah buat pemeriksaan berkala mana mana kilang dua kali setahun termasuk Cadbury sejak tahun 2004 hingga sekarang, kita sudah periksa dan terakhir pada 20 Februari lalu, selama ini mereka mematuhi piawaian halal.

Namun sekiranya penemuan DNA nanti didapati positif, sudah pasti kita akan periksa keseluruhan kilang coklat itu bukan saja dua produk itu.

Apabila isu ini tercetus, banyak pihak memandang sinis kepada JAKIM sebagai pengeluar sijil halal. Komen Datuk.

Saya tidak boleh terima keadaan itu kerana sistem ini diterima dan diprakerui oleh semua pihak kerana mereka tahu bukan mudah untuk memperoleh sijil halal. Bukan kita mahu menyusahkan mereka sebaliknya jika peniaga atau pemohon memenuhi syarat, dalam tempoh singkat kita boleh keluarkan sijil.

Namun bukan semudah itu kerana pemeriksaan dibuat atas segala-galanya A hingga Z, contohnya sekiranya ada 10 ramuan, kita akan pastikan setiap satunya ada sijil halal, sama ada dari dalam atau luar negara.

Sekiranya ada pencemaran dan ada aduan, kita akan uji semula di makmal kemudian apabila sudah mendapat sijil halal, ia adalah kepuasan kepada pengguna. Ia bukan semudah seperti mohon hari ini kemudian esok dapat, tapi mesti menjalani pemeriksaan dengan prosedur operasi standard (SOP) tersendiri yang ditetapkan oleh JAKIM dan mengguna pakai Standard Malaysia (MS).

Apa pandangan Datuk mengenai tindakan pertubuhan bukan kerajaan yang isytihar jihad berkaitan isu coklat ini.

Saya bersama mereka tetapi kita mesti tunggu dulu keputusan makmal. Saya juga orang Islam dan Melayu yang jaga masyarakat Islam. Takkanlah saya rela dengan isu babi itu, sama sekali tidak tetapi saya menjaga prosedur serta peraturan, SOP perlu saya ikut. Ini kerana SOP itu bukan saja dipakai di Malaysia tetapi Standard Malaysia (MS) dan SIRIM juga diiktiraf antarabangsa.

Kita mahu jaga kepentingan pengguna dan industri agar tiada yang terjejas. Saya harap masyarakat sabar kerana Jabatan Kimia beri tempoh seminggu dan kita akan dapat keputusan Rabu ini paling lewat.

Banyak pihak mempertikaikan jabatan pimpinan Datuk akibat isu ini. Jadi adakah prosedur pemeriksaan akan diperketatkan untuk mengelakkan kecualan seperti itu berulang demi kepentingan



SAMBUNGAN... METRO AHAD (SETEMPAT) : MUKA SURAT 39 TARIKH : 1 JUN 2014 (AHAD)

umat Islam.

Seperti saya katakan adakah itu kecuaiian seperti yang berlaku pada Cadbury. Saya bukan nak bela mereka tetapi hasil pemeriksaan kita, syarikat itu memenuhi piawaian dan mengikut proses SOP yang lengkap sehingga 20 Februari lalu sehinggalah ada kajian dan keputusan makmal lain yang mengatakan produk coklat itu ada DNA babi tapi tidak dilaporkan kepada JAKIM.

Cuma apa yang saya minta kepada mana-mana agensi yang ada kaitan dengan kajian, sebelum nak umum kepada masyarakat kita duduk dulu berbincang kerana itu lebih selamat supaya masyarakat tidak gundah-gulana kerana mereka kata bagaimana nak buat sudah makan babi banyak, nak kena samak dan sebagainya tetapi kita kena ingat keputusan rasmi belum dikeluarkan.

Itu yang kita mesti pegang sekarang. JAKIM sebagai agensi kerajaan hanya terima keputusan Jabatan Kimia kerana jika berlaku kes saman dan sebagainya hanya keputusan itu saja akan dirujuk.

Sepatutnya ia diadakan kepada kami, barulah kita boleh bertindak sebaliknya kami tahu melalui media dan Facebook pada 23 Mei lalu dan saya terus panggil mesyuarat tergepar pada 24 Mei sebelum membuat keputusan menggantung serta merta sijil halal Cadbury membabitkan produk tertentu.

Bukankah itu sudah terlambat.

Ada orang mengatakan JAKIM lambat bertindak, bukan... tetapi kita tidak dimaklumkan hasil

kajian itu lebih awal. Kalau diberitahu kita akan bertindak tetapi keputusan itu dihebahkan kepada orang awam dulu. Namun, JAKIM tetap bertindak kerana maklumat daripada awam juga mesti diambil kira.

Ada peruncit yang belum menarik penjualan produk Cadbury itu seperti dilaporkan di Langkawi.

Keputusan rasmi belum keluar, jadi mungkin untuk elak disaman dan sebagainya mereka tak buat demikian.

Benarkah JAKIM tidak cukup kakitangan untuk menjalankan tugas penguatkuasaan sijil halal dan pemeriksaan?

Dalam keadaan itu ada sedikit sebanyak menyumbang kerana ada pegawai JAKIM terpaksa membantu pegawai agama negeri yang masih tidak mencukupi menjalankan tugas tetapi hal ini akan berubah tidak lama lagi. Akan ada pengumuman mengenainya sedikit masa lagi.

Nasihat Datuk kepada semua pihak dalam isu DNA babi ini.

Kita perlu lihat dan percaya kepada persijilan halal Malaysia kerana prosesnya begitu teliti dan bukan mudah untuk kita luluskan setiap permohonan. Selain itu bukan sesuatu yang mudah untuk kita menarik semula tanda halal atau kata haram sesuatu produk kecuali telah dipastikan benar-benar sahih setiap dakwaan.

Saya juga sudah setuju pada mesyuarat lalu bahawa sampel setiap produk akan diuji setiap tahun.



ISU penemuan DNA babi dalam coklat gemparkan masyarakat Islam.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (RENCANA) : MUKA SURAT 32
TARIKH : 1 JUN 2014 (AHAD)



Othman Mustapha

S: JAKIM seolah-olah dipersalahkan dalam isu coklat Cadbury seperti diumumkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Sabtu lalu.

J: Isu ini bermula daripada kebocoran maklumat keputusan analisis yang tersebar melalui media sosial pada 23 Mei 2014. Rentetan itu, KKM membuat pengumuman rasmi mengenai penemuan DNA Porcine di dalam dua produk coklat susu jenama Cadbury dan masyarakat mulai mempersoalkan keputusan dan tindakan itu. Disebabkan ia adalah produk yang telah disahkan halal yang melalui penelitian menyeluruh sebelum diberikan sijil halal, maka siasatan lanjut perlu dibuat terhadap seluruh rantaian pemprosesan bagi mengesahkan dakwaan. Ini termasuk membuat analisis makmal rasmi kerajaan yang telah mendapat akreditasi menguji produk sedemikian. Jadi, sehingga ada keputusan yang jelas baik dari segi hasil pengujian mahupun siasatan menyeluruh, produk itu masih tidak boleh dikatakan sebagai haram berdasarkan kaedah fiqh 'hukum asal sesuatu perkara itu adalah kembali kepada kedudukan asalnya'. Ini bermaksud produk ini tetap halal sehingga ia dibuktikan sebaliknya dengan bukti-bukti yang jelas.

S: Mengapa maklumat makmal boleh terdedah kepada umum.

J: Dalam kes kebocoran maklumat ini, JAKIM tidak berkaitan. Bagaimanapun, JAKIM tidak akan berkompromi jika terbukti kebenaran penyelewengan yang dibuat oleh syarikat pengeluar berkenaan.

S: Ada yang meminta JAKIM tidak hanya menggantung dua produk saja sebaliknya keseluruhan produk Cadbury kerana sudah ada perasaan was-was kalangan rakyat.

J: Penggantungan sijil halal dilakukan hanya kepada dua produk saja kerana status penemuan itu hanya disyaki, belum dipastikan kesahihannya memandangkan JAKIM hanya menerima pakai keputusan yang dikeluarkan oleh Jabatan Kimia Malaysia. JAKIM

Isu produk halal tidak pernah bernoktah. Terbaharu, dua produk keluaran coklat Cadbury disahkan positif DNA Porcine dan walaupun keputusannya belum diumumkan kerana analisis masih dalam proses kajian lanjut, maklumat mengenai bocor dan tersebar luas di media sosial sehingga memaksa Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) membuat pengumuman rasmi. Bukan itu saja, banyak lagi senarai produk lain mula dilabel haram oleh media sosial walaupun tanpa pengesahan.

Wartawan BH Ahad, ROHANIZA IDRIS mendapatkan pandangan Pengarah JAKIM, Datuk Othman Mustapha, untuk menjelaskan situasi itu dan MOHD AZIS NGAH mendapatkan pandangan Pengarah Institut Penyelidikan Produk Halal (IPPH), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Rusliy Rahman, mengenai isu sama.

juga telah mengambil sampel yang menggunakan aliran proses yang sama dan bahan mentah yang digunakan turut diambil dan dihantar ke makmal Jabatan Kimia untuk tujuan analisis dan siasatan lanjut. Jika terbukti syarikat melakukan kesalahan, JAKIM akan mengambil tindakan.

S: Boleh jelaskan prosedur sebelum sijil halal dikeluarkan.

J: Sijil halal yang dikeluarkan di Malaysia adalah bersifat sukarela. Tetapi pemegang Sijil Pengesahan Halal Malaysia tertakluk kepada pematuan piawaian pensijilan halal yang telah ditetapkan. Pensijilan Halal perlu melalui beberapa proses mengikut standard Halal Malaysia dan Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia secara atas talian yang merangkumi pengisian dan pengisytiharan secara terperinci semua bahan mentah, pembekal bahan mentah dan status halal bahan mentah yang akan digunakan. Proses audit pematuan halal akan dijalankan selepas JAKIM dan JAIN berpuas hati dengan semua maklumat dan dokumen sokongan yang diberikan lengkap. Semasa audit pematuan halal di kilang, setiap bahan ramuan akan disemak semula dan diteliti sumbernya serta dipastikan tepat seperti pengisytiharan yang diberikan. Pemeriksaan audit turut memberi perhatian kepada proses pengilangan, peralatan, penyimpanan, pengangkutan, kebersihan, pekerja, pembungkusan dan keseluruhan proses penghasilan sesuatu produk. Pengauditan juga mengambil kira amalan pengilangan yang baik (GMP) dan amalan kebersihan yang baik (GHP). Jika pemeriksa berpuas hati, satu laporan akan dibentangkan dalam panel pengesahan halal Malaysia yang mana ahli-ahli panel di dalam mesyuarat terdiri daripada mereka yang tidak terlibat dalam pengauditan. Jika panel berpuas hati, barulah sijil halal boleh dikeluarkan.

S: Berapa kerap pemeriksaan dilakukan semula selepas sijil halal dikeluarkan?

J: Bagi pemantauan berkala, setiap pemegang sijil halal akan dipantau sekurang-kurangnya dua kali dalam

tempoh sah laku sijil halal. Bagi syarikat yang berisiko, pemantauan dilakukan lebih kerap. Jika ada aduan, pemantauan dibuat serta-merta. Semua pemantauan itu adalah pemeriksaan mengejut. Bagaimanapun, setiap syarikat multinasional, mereka diwajibkan mempunyai eksekutif halal, jawatankuasa halal dan sistem jaminan halal terhadap setiap rantaian produk syarikat. Mereka juga melaksanakan pemantauan dalaman sendiri. Setiap pemeriksaan yang di-

pengguna dan juga penguat kuasa. Pengguna boleh membuat pengesanan melalui aplikasi telefon pintar seperti 'halalsquare', myJakim' dan kod QR pada logo halal.

S: Perlukah JAKIM sendiri mengambil inisiatif menyediakan unit khas untuk membuat pengesanan halal seperti penubuhan Ilham Daya pada 1998 sebelum sijil halal dikeluarkan atau badan bebas mengendalikan prosedur



Kementerian kesihatan telah membuat pengumuman rasmi penemuan DNA Porcine di dalam dua produk coklat susu jenama Cadbury.

lakukan oleh JAKIM, perkara-perkara di atas adalah elemen yang diteliti dan perlu dipenuhi oleh pihak syarikat. Bagi tujuan pengesanan melalui ujian, JAKIM menggunakan Jabatan Kimia Malaysia saja kerana itu adalah makmal kerajaan yang diiktiraf dan mendapat akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia bagi semua skop yang berkaitan halal dan segala keputusan diterima pakai di Mahkamah.

S: Isunya sekarang, masih berlaku penipuan dalam menggunakan sijil atau logo halal.

J: Sijil dan logo halal yang dikeluarkan oleh JAKIM mempunyai ciri-ciri keselamatan dan setiap penipuan atau pemalsuan boleh dikesan oleh

memeriksa dan mengeluarkan sijil halal ini?

J: Apabila kerajaan memutuskan supaya pemeriksaan halal dilaksanakan sendiri oleh JAKIM pada tahun 2002, ia adalah untuk memastikan integriti dan kredibiliti pensijilan dapat dipelihara. JAKIM dan JAIN juga adalah pihak berkuasa berwajib menguruskan pensijilan halal Malaysia yang telah dinamakan dengan jelas di dalam Akta Perihal Dagangan 2011. Keupayaan dan kredibiliti JAKIM diiktiraf bukan hanya di Malaysia, tetapi juga di peringkat antarabangsa.

S: Bagaimana mahu membersihkan nama dan meningkatkan keyakinan orang ramai terhadap sijil halal yang dikeluarkan JAKIM?

IPPH fokus kesan kehadiran unsur haram dalam makanan

J: Prosedur pensijilan dan pemantauan serta penguatkuasaan JAKIM adalah ketat. Dalam hal ini, JAKIM tidak wajar dipersalahkan kerana telah melaksanakan pensijilan halal secara telus mengikut prosedur yang telah ditetapkan dalam setiap permohonan sijil pengesahan halal Malaysia. Pegawai yang menguruskan pensijilan halal, telah dipastikan integriti mereka dengan teliti yang mana setiap proses permohonan, audit, pengeluaran sijil dan pemantauan dilakukan oleh individu dari unit berlainan. Setiap pegawai juga dikehendaki menandatangani satu Akujanji yang menyatakan keberkecualian mereka daripada terlibat dengan sebarang kepentingan dengan syarikat pemohon.

S: Perlukah diwujudkan akta berbeza dalam isu halal ini dan tidak hanya bergantung kepada akta di bawah KPDKK semata-mata?

J: Buat masa ini, akta itu (Akta Perihal Dagangan 2011) adalah relevan dan menyeluruh mengenai isu halal. Jika akta baharu ingin diwujudkan, ia perlu dikaji secara menyeluruh.

S: Adakah JAKIM mempunyai kakitangan penguat kuasa yang cukup bagi menangani isu halal.

J: Tidak dinafikan jumlah kakitangan masih perlu ditambah. Namun ia bukanlah satu alasan untuk menyatakan bahawa JAKIM tidak mempunyai kapasiti untuk melaksanakan tanggungjawab sebagai badan pensijilan halal di Malaysia. Apa yang penting ialah bagaimana JAKIM memaksimumkan kapasiti sedia ada untuk memastikan pensijilan halal Malaysia terus terlaksana dengan penuh dedikasi dan berintegriti. Strategi lautan biru atau perkongsian pintar adalah strategi yang telah menjadi amalan dalam menjalankan pensijilan, pemantauan dan penguatkuasaan halal pada peringkat persekutuan dan negeri. JAKIM dan JAIN mendapat kerjasama sangat positif daripada agensi lain khususnya KPDKK, KKM dan PBT dalam menjalankan operasi bersepadu.

S: Penyebaran maklumat tidak tepat di media sosial seperti Kod E.

J: Penyebaran maklumat di media sosial tidak dapat dibendung oleh JAKIM mahupun agensi lain. Jika maklumat itu tidak benar, JAKIM akan membuat penafian melalui laman web halal berhubung sesuatu isu. Bagi isu Kod E dan produk yang sering dikaitkan dengan kod berkenaan, JAKIM telah memberi penjelasan melalui media. Pengguna seharusnya bijak menafsir dan menilai maklumat yang diterima memandangkan kebanyakan maklumat adalah tidak benar dan disebarkan dengan tidak bertanggungjawab.

S: Adakah kes ini paling mencabar bagi JAKIM sejak pengenalan sijil halal diperkenalkan.

J: Ya, tidak dinafikan bahawa isu ini adalah isu terbesar bagi pensijilan halal Malaysia. JAKIM perlu mengendalikan isu ini dengan bijaksana memandangkan masyarakat telah mendapat maklumat yang belum disahkan. Buat masa ini, JAKIM sedang menunggu keputusan analisis daripada Jabatan Kimia untuk tindakan lanjut.

“ Sehingga ada keputusan yang jelas baik dari segi hasil pengujian mahupun siasatan menyeluruh, produk itu masih tidak boleh dikatakan sebagai haram berdasarkan kaedah fiqh 'hukum asal sesuatu perkara itu adalah kembali kepada kedudukan asalnya' ”

Othman Mustapha,
Ketua Pengarah
JAKIM

“ Proses mengesan kehadiran gelatin haram dalam produk akan mengambil masa tujuh hari bermula sampel dihantar ke makmal sehingga mendapat sijil analisis ”

Russly Rahman,
Pengarah IPPH UPM

Prof Dr Russly Rahman

S: Peranan IPPH secara umum dalam penyelidikan produk halal di Malaysia.

J: Kita fokus kepada apa saja penyelidikan produk halal. Ada kira-kira 40 penyelidik yang menjalankan kajian di sini dari fakulti penyelidikan makanan, fakulti kimia, perubatan, pengurusan. Misi kita ialah menjaga kesihatan halal dalam keadaan sepatutnya, bukannya tercemar. Kalau tak dijaga betul-betul, mungkin akan ada pencemaran dan ada pihak ambil kesempatan. Kita buat atas landasan yang betul berdasarkan tiga perkara asas iaitu ia adalah perintah Allah, keduanya halal itu dikaitkan dengan amalan yang baik, selamat, bersih dan ketiga, kita melihat halal dalam konteks keseluruhan atau A hingga Z. Proses halal itu merangkumi rantaian semua perkara tadi. Ia bukan berkaitan dengan proses kajian sains saja. Halal itu dilihat dalam aspek menyeluruh iaitu sains dan syarak bergabung. Di sini, saya dibantu tiga laborator iaitu sains halal; polisi dan pengurusan halal dan perkhidmatan halal. Sains halal merujuk kepada metodologi mengkaji kehadiran bahan haram dalam makanan. Kaedah itu hanya dibangunkan pihak berkepentingan Islam saja. Kita juga mengkaji alternatif bahan, misalnya gelatin daripada lembu tidak disembelih atau babi dan apa alternatifnya. Jadi kita buat kajian gelatin daripada ikan.

S: Contoh sampel produk yang banyak dihantar syarikat tempatan untuk diuji.

J: Macam-macam jenis gelatin, kolagen, makanan ikan, minuman dan makanan ringan, produk kulit termasuk kulit buku diari atau jaket. Ada lapisan jaket diperbuat daripada bahan mengandungi unsur babi supaya lebih lembut. Produk wanita seperti kasut wanita berjenama, berus untuk alat solek sama ada bulu yang digunakan itu bulu babi atau haiwan lain.

S: Adakah sijil analisis IPPH ini boleh digunakan untuk mendapatkan sijil halal atau digunakan di mahkamah.

J: Untuk kerja makmal, ISO yang ditetapkan ialah ISO17025. IPPH sudah mendapat pengiktirafan itu pada awal tahun ini. Walaupun sebelum itu IPPH belum dapat pengiktirafan tetapi kita sudah jalankan kajian rutin menggunakan kaedah sama. Dari segi undang-undang, hanya Jabatan Kimia yang diiktiraf dan hasil kajian mereka kerap digunakan dalam mahkamah. Tetapi Jabatan Kimia hanya mengendalikan kes tertentu untuk agensi kerajaan saja dan tidak menerima permohonan syarikat tertentu untuk mengkaji produk mereka.

S: Jadi, siapa yang tentukan produk itu halal atau tidak.

J: IPPH tak boleh katakan produk itu halal atau haram, cuma melaporkan hasil analisis sama ada produk itu mengandungi bahan haram seperti DNA babi atau tidak. Tindakan seterusnya bergantung kepada JAKIM atau Majlis Fatwa Kebangsaan untuk menggunakan analisis itu sebagai sokongan kepada keputusan yang dibuat. Jika banyak makmal yang mengkaji sesuatu produk itu memberikan hasil laporan sama, ia memudahkan Jakim atau Majlis Fatwa membuat keputusan. Kita tak keluaran hukum, cuma mengkaji.

S: Berapa lama tempoh kajian sesuatu produk.

J: Ia bergantung kepada sesuatu produk. Bagi kajian baharu, ia memakan masa agak lama. Tetapi untuk mengesan kehadiran unsur haram dalam sesuatu produk itu agak senang kerana kita sudah mempunyai kaedah yang sudah dibangunkan. Proses mengesan kehadiran gelatin haram dalam produk akan mengambil masa tujuh hari bermula sampel dihantar ke makmal sehingga mendapat sijil analisis.

S: Contoh kes yang agak kritikal dan kes yang memerlukan kaedah baru.

J: Sebelum ini, kes daging kuda bercampur dengan daging lembu pernah menjadi kebimbangan negara Eropah. Disebabkan kaedah mengesannya belum ada, kajian itu memakan masa agak lama. Itu menjadi isu besar kerana sesetengah negara terdapat banyak kuda yang perlu dihapuskan dan dagingnya dicampur dengan daging lembu. Walaupun daging kuda boleh dimakan, tetapi ada juga kuda lumba yang disuntik dengan pelbagai vaksin. Itu berbahaya untuk dimakan. Bagi kes daging lembu bercampur daging babi, kita sudah ada kaedah mengesannya, tetapi bagaimana jika berlaku kes daging anjing dijadikan satay yang bercampur dengan daging lembu. Setakat ini, kaedah kajiannya belum ada tetapi ia hampir sama dengan kes daging lembu bercampur babi. Belum ada keperluan mendesak tetapi kita mesti bangunkan kaedah mengesannya.

S: Bagaimana nak mengenali produk yang mengandungi DNA atau apa saja yang berkaitan dengan babi.

J: Ada 200 produk daripada sumber babi di seluruh dunia. Bermula daripada tulang, kulit, daging, lemak, bulu, darah dan macam-macam lagi. Gelatin dari kulit dan tulang

babi dijadikan sebagai pembawa vaksin kerana ia boleh mengekalkan kualitinya. Ini memang sukar kerana hanya gel itu paling sesuai sebagai 'pembawa' vaksin, tetapi kita perlu cari alternatif lain. Majlis Fatwa sendiri mengatakan ia dibolehkan kerana belum ada bahan lain yang sesuai, ia dianggap darurat. Ada juga gel yang digunakan dalam minuman buahan untuk jernihkan air minuman, contohnya jus epal yang boleh dijernihkan dengan gelatin. Tetapi bukan semua gelatin adalah haram kerana ada yang diperbuat daripada produk lembu dan ikan. Tetapi dalam pasaran dunia, gelatin yang halal cuma kurang lima peratus. Bayangkan, bagaimana makanan ringan seperti jeli juga diperbuat daripada gelatin. Alternatifnya, mungkin boleh gantikan gelatin rumpai laut tetapi jumlahnya terlalu kecil. Sumber 95 peratus lagi mungkin dari sumber babi dan lembu, sama ada lembu disembelih atau tidak, itu kita tak tahu. Kena siasat sumber dan banyaknya penyelidikan.

S: Bagaimana dengan sistem kod E untuk produk makanan yang diguna pakai seluruh dunia.

J: Saya baru pulang dari Lahore, Pakistan minggu lalu selepas menghadiri persidangan antarabangsa halal. Kami muafakat menubuhkan satu kerjasama antara Malaysia, Pakistan, Indonesia dan Thailand untuk mengkaji semula sistem kod E yang digunakan dalam pasaran makanan dunia. Kod E itu diperkenalkan oleh negara Eropah. Kita tak tahu sama ada bahan yang mereka gunakan itu halal atau tidak. Kita akan ambil sampel setiap dan kenal pasti bahan yang digunakan. Mungkin selepas ini, kita akan perkenalkan Kod H untuk halal. Itu satu usaha kecil tetapi jika berjaya, ia akan memberi manfaat kepada seluruh ummah Islam. Itu usaha bersepadu kerana tiada mana-mana agensi atau negara yang melakukan usaha ini secara bersepadu.



Jangan salahkan Jakim

MINGGUAN: Boleh Datuk terangkan prosedur pensijilan halal oleh Jakim?

OTHMAN: Mengikut prosedur operasi standard (SOP), kita ada empat tahap. Yang pertama, syarikat perlu membuat permohonan dalam talian menerusi sistem e-halal. Mereka perlu mengisytiharkan semua bahan ramuan termasuk pembekal dan status ada sijil halal atau tidak. Sekiranya ramuan itu diimport dari luar negara, kita akan melihat kepada pengiktirafan halal daripada 57 badan dari 23 negara yang diiktiraf oleh Jakim.

Kita bukan hanya teliti bahan ramuan tetapi bahan mentah kepada ramuan itu. Sebagai contoh, nasi lemak ada sambal. Kita akan periksa ramuan dalam sambal itu sama ada halal atau tidak. Bukan semudah itu kita berikan sijil halal.

Selepas ujian makanan, kita akan buat audit di kilang. Audit ini bukan hanya melibatkan bahan ramuan tetapi kita akan tengok proses pembuatan produk berkenaan, peralatan yang digunakan serta kebersihan persekitaran dan pekerja. Kita wajibkan juga keperluan lain. Mereka mesti ada eksekutif halal di kilang dan mulai tahun ini, kita wajibkan syarikat-syarikat multinasional ada sistem jaminan halal dan jawatankuasa halal dalaman. Ini menjadi keperluan dalam pensijilan halal oleh Jakim.

Selepas auditor puas hati, baharu laporan diangkat kepada panel penilaian dan sekiranya panel penilaian berpuas hati, baharu kita keluarkan sijil halal.

Selepas itu, kita akan buat pemeriksaan menjejut sekurang-kurangnya setahun sekali untuk setiap syarikat. Kalau syarikat yang berisiko, kita akan buat secara kerap dan kalau ada aduan, kita akan pergi serta merta untuk pemantauan. Keempat-empat bahagian ini adalah daripada pasukan berlainan daripada Jakim bagi menjaga *impartiality* (tidak memihak) dan mengelak unsur penyelewengan.

Kalau prosedur pensijilan ini sudah sebegitu ketat, bagaimana dua produk coklat Cadbury boleh terlepas?

OTHMAN: Isu ini kecoh dan meresahkan masyarakat apabila maklumat keputusan ujian makmal KKM dibocorkan dalam media sosial termasuk Facebook pada 23 Mei lalu sedangkan kami tidak tahu. Kuasa yang diberikan kepada makmal itu adalah memastikan bahan dalam sesuatu produk sama dengan yang tercatat di bungkusannya. Namun, apabila dikatakan ditemui porcine pada coklat tersebut, itu sudah menjangkau peringkat kami. Apabila dikatakan ada DNA babi, masyarakat sudah tidak tuju kepada KKM tetapi kepada Jakim sedangkan kami tidak dilaporkan mengenai penemuan itu.

Pada 24 Mei, Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah mengesahkan penemuan berkenaan. Pada hari itu juga, saya terus panggil mesyuarat dengan semua pegawai dan kita terus ambil keputusan menggantung pengesahan halal dua produk itu sehingga siasatan siap dilakukan.

Masyarakat menyalahkan Jakim dan mendakwa pihak Datuk lambat bertindak dalam isu ini? Apa komen Datuk?

OTHMAN: Kajian dibuat oleh KKM pada 27 Februari lalu tetapi keputusan ujian itu hanya diketahui pada 23 Mei lalu dengan cara sedemikian. Kalau ada laporan pada 20 Februari, pada hari itu juga kita sudah bertindak tetapi kita cuma tahu pada 23 Mei lalu dan pada 24 Mei lalu kita terus ambil tindakan. Masyarakat perlu diperjelaskan keadaan ini.

Kami memberikan sijil halal kepada Cadbury sejak 2004. Kita buat pemeriksaan berkala dan di samping itu ada eksekutif halal untuk menyemak perjalanan kilang itu sama ada mematuhi pensijilan halal atau tidak. Jawatankuasa dalaman di Cadbury pun laksanakan tugas sama. Kali terakhir kita buat pemeriksaan di kilang Cadbury ialah pada 20 Februari lalu tetapi Cadbury masih patuh pada sijil halal.

MUKADIMAH

PADA 24 Mei lalu, umat Islam di negara ini dikejutkan dengan pengesahan oleh Kementerian Kesihatan (KKM) bahawa Asid Deoksiribonuklik (DNA) babi dikesan dalam dua sampel coklat Cadbury Dairy Milk yang mempunyai sijil pengesahan halal.

Pengesahan itu dibuat susulan penyebaran gambar keputusan ujian oleh KKM mengesan kandungan DNA babi dalam dua produk coklat keluaran Cadbury Confectionary Malaysia Sdn. Bhd. (Cadbury) di laman-laman media sosial sehari sebelum itu.

Berikutan pengesahan oleh KKM itu, Jakim menjadi sasaran kemarahan umat Islam yang mempersoalkan bagaimana jabatan itu boleh terlepas

pandang perkara tersebut. Apatah lagi, ujian tersebut dijalankan oleh KKM pada 27 Februari lalu.

Untuk mendapatkan penjelasan lanjut wartawan *Mingguan Malaysia*, **AMIZUL TUNIZAR AHMAD** **TERMIZI** telah mewawancarai Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim), **DATUK OTHMAN MUSTAPHA** bagi mendapatkan penjelasan sebenar. "Masyarakat mempersoalkan kenapa Jakim lambat bertindak sedangkan kami tidak menerima laporan. Kalau ada laporan pada 20 Februari lalu, pada hari itu juga kita sudah bertindak tetapi kita cuma tahu pada 23 Mei lalu dan pada 24 Mei lalu kita terus ambil tindakan," katanya menjelaskan keadaan sebenar.

Kenapa tidak ada penyelarasan antara KKM dengan Jakim? Kenapa KKM tidak memaklumkan kepada Jakim mengenai penemuan DNA babi dalam dua produk coklat itu?

OTHMAN: Kita sudah ada mesyuarat penyelarasan sejak 2011 lagi. Apa sahaja penemuan oleh KKM yang ada kaitan dengan halal, ia mesti dirujuk dengan Jakim terlebih dahulu, mungkin KKM terlupa, sebab itu jadi kecoh seperti ini. Sepatutnya KKM lapor kepada Jakim terlebih dahulu dan selepas kita duduk berbincang baharu kita boleh buat pengumuman.

Kenapa KKM mengambil masa yang lama untuk maklumkan kepada Jakim mengenai keputusan ujian itu sedangkan isu tersebut amat besar?

OTHMAN: Itu kena tanya KKM sendiri. Kita baharu terima laporan hari ini (Khamis) dan itu pun tidak lengkap. Macam mana hendak buat kerana kita hanya tahu pada 23 Mei lalu.

Kenapa Jakim perlu membuat ujian semula terhadap sampel produk coklat Cadbury? Adakah keputusan ujian yang dijalankan oleh KKM tidak boleh digunakan oleh Jakim?

OTHMAN: KKM hanya diberikan kuasa di bawah Akta Makanan 1983. Kalau bab halal ini, tindakan diambil mengikut Akta Perihal Dagangan 2011. Sebab itu, kami tidak boleh ambil keputusan ujian daripada KKM. Dari segi perundangan, hanya pegawai Jakim mempunyai kuasa untuk ambil sampel dihantar ke makmal dan untuk di bawa ke mahkamah. Bagi makmal KKM, Jabatan Standard Malaysia hanya memberikan akreditasi tidak sampai kepada ujian porcine tetapi hanya untuk proses makanan berasaskan daging dan susu.

Jabatan Kimia merupakan satu-satunya jabatan yang diberikan akreditasi oleh Jabatan Standard Malaysia untuk menjalankan ujian sampel ke DNA babi. Manual pensijilan halal Malaysia juga menetapkan hanya ujian oleh Jabatan Kimia digunakan untuk pensijilan halal dan pendakwaan di mahkamah.

Sekiranya ada pihak membuat tuntutan di mahkamah, Kerajaan akan pakai ujian oleh Jabatan Kimia sahaja. Malah, KKM perlu merujuk kepada Jabatan Kimia untuk ujian semula. Sebab itu kita buat ujian balik.

Proses mengambil sampel ini perlu dibuat mengikut peraturan ketat, bukan boleh ambil ikut suka hati. Hanya orang tertentu yang dilantik dari Jakim boleh ambil sampel dan ia mesti diambil dari kilang, bukan di tengah jalan

atau di kedai. Kita tunggu ujian makmal diberikan oleh Jabatan Kimia yang dijangka Rabu ini. Kalau kita dapat lebih cepat, kita akan beritahu masyarakat.

Sampel yang diambil oleh KKM adalah yang ada di pasaran. Kita tidak tahu apa yang berlaku di luar sana. Sebagai contoh, seekor ayam yang disembelih secara halal dan diberikan pensijilan keluar ke restoran dan dimasak dicampur dengan babi. Adakah kita hendak salahkan rumah sembelihan atau salahkan orang yang beri sijil halal sebab ia sudah di luar kawalan.

Sekiranya ujian oleh Jabatan Kimia menunjukkan dua produk coklat itu mengandungi DNA babi, apakah tindakan yang boleh diambil terhadap Cadbury?

OTHMAN: Kalau dalam kes Cadbury ini terbukti ada penyelewengan dan campuran DNA babi, kita orang pertama yang akan ambil tindakan sebab kita ada peruntukan undang-undang. Namun, kita perlu siasat dengan lebih terperinci supaya tindakan kita berdasarkan lumus

undang-undang dan ada kesan. Tindakan undang-undang boleh diambil dibawah Akta Perihal Dagangan 2011, Perintah Perihal Dagangan (Taktif Halal) 2011. Jika disabitkan dengan kesalahan di mahkamah, syarikat berkenaan boleh didenda maksimum RM5 juta.

Ada pihak mahu memfailkan saman terhadap syarikat Cadbury ekoran penemuan DNA babi pada dua produk keluaran syarikat tersebut? Adakah tindakan ini wajar bagi memberikan pengajaran kepada syarikat tersebut?

OTHMAN: Kalau maklumat (kandungan DNA babi) itu tidak sah, Cadbury akan saman mereka balik. Saya yakin imej Cadbury sudah jatuh dengan gambar-gambar dalam isu ini. Kalau keputusan ujian itu positif, terpujang kepada pihak berkenaan untuk ambil tindakan tersebut.

Selepas insiden ini, adakah Jakim bercadang untuk memperketatkan proses pengeluaran sijil halal?

OTHMAN: Kita sudah ada SOP dan kita akan terus ikut prosedur ini. Cuma kita akan minta kilang perkukuhkan sistem jaminan halal. Halal bukan hanya tanggungjawab Jakim tetapi peranan industri pun penting. Kalau ada sistem jaminan halal di peringkat dalaman, mereka boleh buat pemeriksaan dan samakan lebih awal sebelum hantar kepada kami.

Jakim diiktiraf sebagai badan utama dalam memberikan pengesahan halal di dunia. Sejah mana isu ini menjejaskan kedudukan Malaysia sebagai hal hal dunia?

OTHMAN: Memang memberikan kesan kalau sudah jadi isu besar sebegini. Pengguna di luar pun pertikai Jakim sekarang. Kalau kita sudah ada sistem dan ikut sistem tetapi jika berlaku juga, sudah di luar kawalan kita. Dalam kes ini, kita terpaksa tangani isu ini untuk menghilangkan keresahan dan mengembalikan kepercayaan masyarakat.

Jakim agak berbeza dengan badan-badan lain sebab kita di bawah kerajaan tetapi di negara-negara lain, mereka sama ada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau syarikat persendirian buat sijil halal sebab mereka berada di negara minoriti umat Islam.

Kita sebagai badan kerajaan mempunyai sistem yang teratur, SOP dan peraturan. Mereka banyak mencontohi Jakim untuk membangunkan sistem mereka. Sekarang, negara-negara di Timur Tengah pun merujuk kita untuk membangunkan sistem halal sebab mereka tidak ada sistem sebelum ini. Kita bimbang isu sebegini akan memberikan imej buruk kepada negara.



KERATAN AKHBAR
MINGGUAN MALAYSIA (RENCANA) : MUKA SURAT 9
TARIKH : 1 JUN 2014 (AHAD)

Analisis polemik DNA babi

ISU DNA babi dalam dua coklat Cadbury yang sedang rancak dibualkan beberapa hari ini adalah berpunca daripada keputusan makmal Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang dihebahkan secara tidak berintegriti melalui media massa. Kita tidak pasti sejauh mana wibawa sampel yang diambil untuk dijadikan rujukan dan sekali gus mengheret kepada pelbagai pertikaian selain menyerlahkan kejahilan sesetengah pihak dalam memahami syariah.



DR. LOKMAN AB. RAHMAN

Persampelan yang berwibawa bukannya bergantung kepada sampel yang dibawa oleh pengadu atau diambil begitu sahaja kemudiannya disembarkannya kepada awam begitu mudah. Sampel yang berwibawa mestilah diambil dari kilang pengeluaran, di pasaran dan pengguna sendiri.

Sampel tersebut disimpan oleh pengeluar dan badan bertanggungjawab serta sampel tersebut mestilah ditutup kemas. Pengurusan dan pengawasan sampel perlu mengikut prosedur yang sangat ketat untuk mengelakkan dari sebarang gangguan atau tercemar. Makmal pula hendaklah diakreditasi terlebih dahulu dan mengikut skop kepakaran serta kelengkapan peralatan yang diiktiraf.

Dalam amalan analisis pengujian sampel, tidak semua makmal mampu melakukan pengujian bagi kesemua bentuk sampel. Skop yang ditentukan mengikut keperluan produk yang menyentuh kimia, lemak, minyak, DNA dan barangangunaan. Apakah makmal yang digunakan khusus untuk analisa DNA sahaja, atau hanya sekadar bertenggek dengan kerja-kerja sedia ada? Contohnya, makmal untuk ujikaji daging atau ayam, tiba-tiba digunakan untuk analisis bagi makanan seperti kes coklat ini?

Inilah yang menjadi persoalan dalam keabsahan penentuan fakta DNA babi yang seringkali diperkatakan. Dalam perkara ini, KKM hanya menyatakan penemuan DNA babi sahaja, bukannya masalah hukum halal-haram. Kuasanya memang jelas di bawah Akta Makanan 1983. Melalui penemuan tersebut yang sampai kepada orang awam terutamanya pengguna Islam, tanpa berfikir panjang menjadi sungguh berang dan mereka rasa tertipu terhadap logo halal rasmi yang mengesahkan halal terhadap produk kepercayaan mereka.

Berkaitan dengan isu halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim)/Jabatan Agama Islam Negeri (JAIN) menggunakan khidmat analisis daripada makmal Jabatan Kimia Malaysia (JKM) yang mempunyai



SEORANG petugas sebuah pasar raya mengeluarkan coklat Cadbury yang disahkan oleh Kementerian Kesihatan mengandungi DNA babi. - Bernama

unit khusus bagi pengujian produk halal/haram. Hakikatnya, isu ini bukan orang Islam sahaja yang terganggu malah sebahagian dalam kalangan orang bukan Islam seperti pengamal vegetarian, Kristian Katolik dan sudah tentulah para peniaga sendiri.

Dari aspek hukum Islam pula, halal hanyalah salah satu hukum dalam syariah yang wajib dipatuhi oleh semua umat Islam. Dalam nas al-Quran sangat jelas dan begitu serius dipandang oleh para fuqaha yang mengharamkan sebarang penggunaan sumber yang datang dari babi yang tergolong di bawah najis muhallaah.

Bagaimanapun, isu yang seringkali diperdebatkan secara emosi sehingga hari ini ialah, apakah dakwaan penemuan DNA babi tersebut benar-benar mewakili kewujudan objek atau zat yang datang dari babi? Contohnya lemak, minyak, daging, susu atau ramuan campuran yang benar-benar datang dari haiwan tersebut.

Mungkin juga DNA babi tersebut hanya wujud disebabkan berlakunya pencemaran seperti sentuhan manusia, peralatan yang digunakan, pembawaan udara, bungkusan yang digunakan dan sebarang kemungkinan yang mudah berlaku. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak penganalisa membuktikan dua perkara tersebut yang bukan hanya bergantung dengan penemuan DNA. Adakah saintis kita mampu membezakannya?

Sekiranya penemuan DNA babi mampu dibuktikan sebagai mewakili kewujudan objek babi maka barulah boleh dikatakan najis hissi, maka sudah pastilah haram seperti yang dirisaukan oleh masyarakat Islam. Tetapi penemuan tersebut sekadar menemui DNA babi dan bukan mewakili objeknya, ia adalah suatu pencemaran yang mungkin boleh dikatakan sebagai

najis hukmi.

Konsep ini tidak ada dalam kamus sains moden dan metod analisis makmal. Inilah yang akan diperjelaskan kepada orang awam yang sudah rasa tertipu dan merasa emosi seringkali dipermainkan. Dalam hal ini, Jakim terikat dengan Akta Perihal Dagangan (APD) 2011 yang menyatakan secara jelas tentang terma hukum syarak, mazhab dan fatwa.

Inilah perkara pokok yang harus dijadikan rujukan dalam menyelesaikan isu ini kerana halal merujuk kepada sumbernya, iaitu syariah. Langkah menangani isu ini dengan hanya bergantung sepenuhnya kepada metod sains moden hanya berakhir dengan kebuntuan.

Dalam amalan perundangan syariah, DNA bukanlah sebagai bukti syahadah, tetapi ia adalah qarinah. Kebanyakan tokoh-tokoh fekah bersetuju DNA hanyalah faktor pembantu kepada penerangan bukti, bukannya faktor penentu bukti. Secara khususnya Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Malaysia kali ke 96 telah membahaskan dan membuat keputusan pada Oktober 2011 tentang pencemaran khinzir ini.

Dipatuhi

Muzakarah tersebut telah mengharuskan bagi umat Islam mengambil makanan atau minuman yang tercemar DNA babi yang tidak disengajakan dengan syarat telah dibuat kajian cara terperinci sebelum itu bahawa semua ramuan, kandungan dan cara pemrosesannya telah disahkan sebagai suci dan halal.

Bagi peralatan yang telah disamak dan masih didapati DNA babi juga tidak perlu diulang sekali lagi sekalipun masih kedapatan DNA babi. Keputusan ini dibuat

berdasarkan roh syariat Islam yang tidak mentaklifikan sesuatu kepada manusia di luar kemampuan manusia yang membekalkan. Fatwa ini telah diwartakan di negeri Selangor pada 27 Disember 2012.

Dalam pelaksanaan pensijilan halal Malaysia, sebenarnya kesemua bahan mentah dan ramuan mestilah diisytihar dan dipastikan halal secara telus seperti dikehendaki fatwa tersebut. Secara tuntasnya, ia telah dinyatakan di beberapa klausa yang terkandung dalam Manual Prosedur Pensijilan Halal Malaysia (Semakan Kedua).

Jika ada yang kritikal, sampel perlu dikemukakan untuk dianalisa oleh makmal bagi membantu supaya bahan mentah dan ramuan jelas dapan dikesan. Dalam isu melibatkan pembuatan coklat, perkara yang kritikal dalam penentuan halal antaranya ialah seperti *emulsifier*, *cocoa butter*, *refined lactose* dan *milk powder*. Manual tersebut juga telah mensyaratkan pengauditan dijalankan oleh Pegawai Hal Ehwal Islam dan pegawai teknikal dalam bidang yang berkaitan.

Sekiranya berlaku juga tidak patuh syariah bermakna kemungkinan kegagalan para auditor mengesan ramuan yang kritikal, atau pemegang sijil halal itu sendiri tidak telus dalam mengisytiharkan kesemua bahan mentah dan ramuan sejak awal lagi. Sedangkan sudah sekian lama Jakim/JAIN mensyaratkan perlu diwujudkan Sistem Jaminan Halal. Apatah lagi Cadbury adalah sebuah syarikat yang bertaraf multi nasional yang sudah lama menjadi pemegang sijil halal Malaysia sejak sekian lama sudah tentu mempunyai Jawatankuasa Halal Dalaman yang tersendiri.

Syarikat pemegang sijil halal hendaklah menubuhkan jawatankuasa halal dalaman yang terdiri Eksekutif Syariah seperti yang dilakukan oleh institusi kewangan Islam masa kini. Ini adalah mustahil bagi Jakim/JAIN untuk mampu mengawasi setiap premis yang disahkan halal sekiranya tiada sistem jaminan halal dalaman yang aktif di bawah seliaan Eksekutif Syariah yang terlatih. Apa yang berlaku terhadap industri halal hari ini kebanyakannya bergantung sepenuhnya pengesahan dan pemantauan Jakim/JAIN seolah-olah syarikat halal di Malaysia sebagai anak syarikat kerajaan!

Di mana tanggung jawab industri pengeluar produk halal dalam hal ini? Untuk memastikan isu seperti ini tidak terus berulang, Jakim/JAIN hendaklah bertegas bahawa segala pelaksanaan pensijilan mestilah melihat pada prinsip Syariah dalam segala operasi bukan sekadar pada definisi.

■ PENULIS ialah Presiden Persatuan Eksekutif Halal Malaysia (PEHMA)

El Nino may spark water crisis

CAUTION:

Phenomenon could cause extreme dry spell due to reduced rain clouds

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
tharanya@nst.com.my

THE National Water Services Commission (SPAN) has urged water operators and stakeholders to be prepared for a water crisis in the event of a dry spell caused by the El Nino phenomenon.

Its chief executive officer, Datuk Teo Yen Hua, said the commission had met the Malaysian Meteorological Department (MMD) on May 8 to brief water operators on the weather forecast.

"The severity of the extreme dry weather conditions will reduce availability of raw water resources, which is under purview of the state

governments. Nevertheless, measures have been taken to mitigate possible impact."

The MMD has warned of a dry spell, which will begin as early as next month and last between six and 18 months, as sea surface temperatures in the tropical Pacific Ocean warm to levels similar to the onset of the El Nino phenomenon.

Teo said SPAN had called for water operators and stakeholders to:

- MONITOR** the water levels in rivers and dams;

- CONTINUE** cloud seeding;
- ACTIVATE** Water Supply Contingency Plans if water levels in rivers and dams decrease to a critical stage;

- PREPARE** for additional water supply relief facilities such as water tankers and static tanks to areas that are facing shortage of water supply;

- IDENTIFY** other possible alternative raw water sources; and,
- IMPLEMENT** water rationing when there is insufficient raw water.

Teo said SPAN had been assured by the state government and Selangor Water Management



Datuk Teo Yen Hua says measures have been taken to mitigate the impact of El Nino

Authority (LUAS) that the raw water quality from proposed alternative sources such as hybrid off-river augmentation system is safe.

"LUAS has sent water samples to the Chemistry Department and the Health Ministry for testing, and found that the water quality complies with the requirements."

MMD commercial and corporate services division director Dr Mohd Hisham Mohd Anip said computer models surveyed by the World Meteorological Organisation suggested that El Nino thresholds would be reached by next month.

"If it occurs in July, it needs some time to interact with the atmosphere before the impact hits the country.

"The impact will probably begin in September or October over the eastern part of Borneo, which includes Sabah and parts of Sarawak, before spreading to the peninsula by year-end.

"However, the impact strictly depends on the intensity of the El Nino. Thus far, its intensity cannot be determined yet."

He said strong El Nino could lead to a dry spell as a result of reduced rain clouds.

However, he said, the impact would be minimal when the El Nino was weak or moderate.

"We are monitoring the El Nino situation by getting information from international research centres such as the Japan Meteorological Agency, USA National

Oceanic and Atmospheric Administration Climate Prediction Centre and the Australian Bureau of Meteorology. Any developments will be announced to the authorities for further action."

Hisham said Malaysia would experience less rainfall during the southwest monsoon (late May to September), which could lead to forest fires, hot weather and decrease in water levels in dams.

"So far, our forecast indicates it will be a normal season for our country, except in June, where rainfall will be slightly below normal."

Association of Water and Energy Research Malaysia president S. Pirapakaran called for SPAN to mobilise the Emergency Response Plan to ensure sufficient water supply if the need for water rationing arose.

He said the Selangor government should stop sand-mining activities that might further pollute raw water in rivers and beef up storage capacities for raw water in retention ponds along the river basin (but not former mining pools as heavy metal contamination is a concern).

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 01 JUN 2014 (AHAD)



Gempa Bumi Sederhana Berlaku Di Mindanao, Filipina

KUALA LUMPUR, 1 Jun (Bernama) -- Gempa bumi sederhana berukuran 5.2 pada skala Richter berlaku di Mindanao, Filipina pada pukul 3.54 pagi tadi.

Menurut [Jabatan Meteorologi Malaysia](#), pusat gegaran ialah 74 kilometer timur laut bandar raya Gingoog dan 1,022 kilometer timur laut Kinabatangan, Sabah.

Gempa tidak mendatangkan ancaman Tsunami.

-- BERNAMA